LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

PPAB-06/2006

# PANDUAN

TM

# SKIM BERKAT

## Bayaran Zakat Melalui Potongan Gaji

MUDAH Semuanya SELESAI

Hanya klik

Tahun Zakat Selangor 1430H
15 Tahun
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
• 1994-2009 •
TAHUN ZAKAT SELANGOR 1430H
"Meneraju Perubahan • منراجو ڤروبهن"

QUALITY SYSTEM
SIRIM
MS ISO 9001:2000
Registration No. AR 1874



# Hanya klik skim berkat makin mudah

## KINI SEMAKIN MUDAH.....

Selain mengisi borang secara manual, skim berkat kini boleh menerusi portal. Borang Bayaran Zakat Melalui Potongan Gaji ini boleh didapati di portal LZS, **www.e-zakat.com.my/skimberkat** (webpage khas Skim Berkat). Sila isi maklumat anda pada borang online. Seterusnya, 3 salinan dicetak untuk salinan majikan (Bahagian Sumber Manusia/Unit Gaji), salinan pembayar dan salinan LZS.

## MUDAH, SEMUANYA SELESAI!

Anda disaran untuk mendaftar menerusi E-Zakatonline. Bagi tujuan menyemak e-penyata zakat. Menerusi webpage ini, anda boleh mendapatkan jadual kiraan zakat bulanan, muat turun borang bayaran zakat melalui potongan gaji, panduan bayaran bagi pencarum dan majikan.

## UNTUK MAJIKAN DAN PEMOHON BARU

Kaedah online ini sangat digalakkan. Pihak LZS akan mengambil tindakan dan memaklumkan dari semasa ke semasa jika mendapat sebarang permohonan. Kaedah ini dapat membantu pembayar zakat yang sukar mendapatkan BORANG SPG.

MULAKAN BAYARAN ZAKAT ANDA SEKARANG!

# ISI KANDUNGAN


**Apa itu Skim Berkat?** 4

Kelebihan Skim Berkat 4

**Zakat dan Kewajipan** 5

Asas Pengiraan Skim Berkat 6

**Potongan Zakat Pendapatan mengikut Jadual** 7

Jadual Potongan Zakat Pendapatan Bulanan 10

**Panduan Skim Berkat (Majikan Swasta)** 11

Panduan Skim Berkat (Majikan Kerajaan) 15

**Lampiran 1-Jadual Potongan Cukai Berjadual** 20

Lampiran 2-Borang Pendaftaran Majikan/Organisasi Baru (LZS 043) 21

**Lampiran 3-Borang Bayaran Skim Berkat (LZS 044)** 22

Lampiran 4-Contoh Sampul Surat Majikan 23

**Lampiran 5-Format Sistem e-Majikan** 23

Lampiran 6-Borang Pendaftaran e-Majikan 24

**Lampiran 7-Contoh Paparan Sistem e-Majikan** 25

Lampiran 8-Contoh Slip Bayaran Skim Berkat 25

**Lampiran 9-Makluman Tidak Menerima Bayaran Skim Berkat (Potongan Gaji)** 26

Lampiran 10-Format Transfer File Potongan Gaji 26

**Lampiran 11-Jadual Potongan Zakat Pendapatan Bulanan** 29

Lampiran 12-Surat Permohonan Pemberhentian / Pembatalan Pemotongan 38

**Lampiran 13-Petikan Keputusan Mesyuarat Berhubung Perlaksanaan Arahan Wajib Pembayaran Zakat** 39

Lampiran 14-Carta Aliran Proses Pekeliling Kerajaan 40

**Lampiran 15-Permit Potongan Gaji dari Jabatan Buruh** 41

Lampiran 16-Surat Pelepasan Cukai dari LHDN 42

**Lampiran 17-Penyata Rasmi Bayaran Potongan Zakat** 43

Panduan Ringkas Pengiraan Zakat 44

**Borang Kebenaran Potongan Gaji Skim Berkat (LZS 040)** 47

Borang Potongan Gaji Pekeliling Zakat (OP2) 48

**Senarai Perkhidmatan Kaunter LZS** 49

Alternatif Pembayaran Zakat 50



# Apa itu Skim BERKAT?




Skim **BERKAT** ialah kemudahan pembayaran zakat melalui potongan gaji. Pembayarannya tidak terhad kepada zakat pendapatan sahaja tetapi zakat-zakat harta yang lain termasuk qada zakat.

Begitu **MUDAH**...Ini bererti dengan menyertai Skim Berkat, zakat anda kini

Semuanya **SELESAI.**

## KELEBIHAN SKIM BERKAT

### Lebih berkat

- Tertunai kewajipan berzakat yang menjadi rukun Islam ketiga.
- Zakat diagihkan kepada golongan asnaf yang benar-benar memerlukan.
- Pahala amal jariah yang berterusan dan berkekalan.
- Zakat diagihkan untuk kepentingan umat Islam.
- Zakat membersihkan jiwa dan harta.

### Lebih mudah

- Anda hanya perlu membuat arahan potongan gaji dan pembayaran zakat akan diuruskan oleh majikan kepada LZS (MAIS).
- Tidak perlu bersesak di jalan raya atau di kaunter zakat.
- Tidak mengalami masalah tempat meletak kereta yang terhad.

### Tidak membebankan

- Tidak perlu mengeluarkan jumlah wang yang besar sekaligus untuk membayar zakat.
- Mengeluarkan wang secara ansuran lebih meringankan dan tidak begitu dirasai.
- Bagi anda yang layak dikenakan PCB, anda tidak memerlukan sumber wang

yang lain untuk menunaikan zakat kerana anda boleh membuat pelarasan atau memindahkan sebahagian daripada potongan PCB anda kepada zakat.

| | | |
|---|---|---|
| **Contoh 1 :** | **PCB bagi Januari 2008** | |
| | Zakat dibayar : RM55 | PCB patut dipotong : RM105 |
| | PCB perlu dipotong : **RM150** | (RM105 - RM55) |
| **Contoh 2 :** | **PCB bagi Mei 2008** | |
| | Zakat dibayar : RM140 | PCB patut dipotong : RM110 |
| | PCB perlu dipotong : **Tiada** | |

Lebihan zakat **RM30** dalam Contoh 2 di atas boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada PCB bagi bulan berikutnya. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pelarasan sedemikian hanya dibenarkan pada tahun yang sama sahaja. (Sila Rujuk Lampiran 1 di mukasurat 20)

## ZAKAT DAN KEWAJIPANNYA

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang kelima. Zakat diwajibkan kepada setiap individu Muslim yang telah memenuhi syarat-syaratnya seperti sempurna milik, cukup haul dan cukup nisab.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud :
*"Wahai orang-orang yang beriman! Keluarkanlah zakat sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu."*
**(Surah Al-Baqarah : 267)**

Islam sentiasa menitikberatkan tentang memudahkan sesuatu perkara dan tidak mahu menyulitkan manusia dalam urusan sehariannya khususnya dalam melaksana urusan agama. Semua hukum Islam adalah mudah bagi mereka yang benar-benar beriman.

***Firman Allah s.w.t yang bermaksud:***
*" Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusan."*
**(Surah At-Talaaq : 4)**

Umat Islam juga diingatkan supaya tidak membebankan sesuatu perkara malah haruslah dipermudahkan.

***Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :***
*"Permudahkanlah dan jangan menyukarkan, berilah khabar gembira dan janganlah memberikan khabar yang menyusahkan hati."*

**(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)**

Pembayaran zakat perlu dibuat sebaik tiba haul iaitu sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah Al-An'aam ayat 141 yang bermaksud :

*"Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya."*

Ini bermaksud pembayaran zakat ini tidak boleh ditangguhkan dan dengan membuat pembayaran melalui Skim Berkat anda sentiasa menyegerakan pembayaran malah sebelum tiba haul.

Di dalam nas yang lain umat Islam dibolehkan mengeluarkan zakat walaupun belum cukup setahun berdasarkan sebuah hadis Rasullulah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Ali r.a katanya :

*" Sesungguhnya Abbas meminta izin dari Rasulullah mengeluarkan zakat sebelum masanya, maka Rasulullah mengizinkan Abbas berbuat yang demikian itu."*

Berdasarkan hakikat ini LZS (MAIS) telah mengambil satu inisiatif bagi memudahkan umat Islam menunaikan tanggungjawab membayar zakat dengan memperkenalkan satu skim yang dinamakan Skim Berkat.

## ASAS PENGIRAAN SKIM BERKAT

Skim Berkat menyediakan peluang kepada anda untuk menunaikan semua urusan pembayaran zakat melalui potongan gaji.

Bagi memudahkan terdapat empat pilihan yang untuk menentukan jumlah yang sepatutnya dibuat iaitu:
a. Menunaikan zakat pendapatan sahaja.
b. Menunaikan zakat harta yang lain.
c. Menunaikan qada zakat.
d. Menyelaraskan terus mengikut jumlah PCB anda.

### a) Menunaikan zakat pendapatan sahaja

Jika anda memilih untuk menunaikan zakat pendapatan sahaja. LZS (MAIS) telah menyediakan dua alternatif iaitu:

i. Mengikut jadual yang telah disediakan. Rujuk panduan menggunakan Jadual Potongan Zakat Pendapatan Bulanan.
ii. Mengira sendiri jumlah yang anda ingin jelaskan. Untuk mengetahui kadarnya:

$$\frac{\text{Jumlah zakat pendapatan setahun}}{12} = \text{jumlah potongan sebulan}$$

### b) Menunaikan zakat harta yang lain

Anda juga boleh melunaskan zakat harta yang lain dengan menggunakan Skim Berkat. Zakat harta yang lain ialah:

- Zakat Wang Simpanan
- Zakat Perniagaan
- Zakat KWSP
- Zakat Emas
- Zakat Saham
- Zakat Padi
- Qadha Zakat

### c) Menunaikan qada zakat

Anda masih belum terlewat jika tidak menunaikan zakat-zakat anda yang lalu. Dengan Skim Berkat ini juga anda boleh melunaskannya tanpa membebankan. Cuma apa yang anda perlu lakukan ialah dapatkan jumlah qadha zakat anda dan sesuaikan dengan berapa bulan yang anda rasa mampu dan tidak membebankan.

### d) Menyelaraskan terus mengikut jumlah PCB anda

Bersesuaian dengan Pekeliling Kerajaan dan anda berasa sukar untuk mengenal pasti berapakah kadar sebenar zakat harta atau juga qadha zakat. Anda boleh memilih untuk mengambil kadar yang telah ditetapkan di dalam Potongan Cukai Berjadual. Sila rujuk Buku Panduan Lembaga Hasil Dalam Negeri Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan daripada majikan anda atau juga daripada kakitangan LZS (MAIS).

## POTONGAN ZAKAT PENDAPATAN MENGIKUT JADUAL

Untuk memudahkan anda, LZS (MAIS) menyediakan Jadual Potongan Zakat Pendapatan Bulanan dan anda boleh memilih di antara dua kaedah iaitu :

**Kaedah A:** Pendapatan kasar (Tanpa Tolakan) :
2.5% atas jumlah pendapatan kasar sebulan

Contoh Kiraan :

a. Pendapatan kasar (RM1,000 x 12bulan) RM 12,000
*(jumlah ini melebihi daripada paras nisab)*

---

b. Jumlah zakat wajib dikeluarkan
= RM12,000 x 2.5% RM 300

---

c. Potongan zakat sebulan
= RM300 / 12 bulan RM 25

**Kaedah B:** Pendapatan yang ditolak perbelanjaan yang dibenarkan 2.5% atas pendapatan kasar yang telah ditolak perbelanjaan yang dibenarkan. Kaedah ini disesuaikan dengan keadaan sama ada seseorang itu :-

- Lelaki Bujang
- Lelaki Berkahwin dan/atau mempunyai anak
- Wanita (sama ada berkahwin atau bujang)

Perbelanjaan yang diambil kira di dalam tolakan ini ialah :

| Perbelanjaan yang diambil kira | Lelaki (Bujang) | Lelaki (Berkahwin) | Perempuan |
|---|---|---|---|
| Diri - RM8,000 | Ya | Ya | Ya |
| Isteri - RM3,000 | Tidak | Ya | Tidak |
| Anak-anak RM1,000 seorang | Tidak | Ya | Tidak |
| KWSP 11% daripada pendapatan kasar pekerja | Ya | Ya | Ya |

Tolakan ini tidak mengambil kira pemberian kepada ibu-bapa, caruman Tabung Haji dan caruman kepada institusi yang menunaikan zakat

Contoh Pengiraan :

**Kes 1: Pembayar bujang (lelaki & wanita)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| a. Pendapatan kasar (RM1,500 x 12 bulan) | | | RM18,000.00 |
| b. Tolakan | | | |
| i. | Diri | RM8,000 | |
| ii. | KWSP (11%) | RM1,980 | |
| **Jumlah tolakan yang dibenarkan :** | | | **RM 9,980.00** |
| c. Pendapatan bersih yang wajib dizakatkan (Jumlah ini melebihi daripada paras **nisab***) | | | RM 8,020.00 |
| d. Jumlah zakat wajib dikeluarkan = RM8,020 x 2.5% | | | RM 200.50 |
| e. Potongan zakat sebulan = RM200.50 / 12 bulan | | | **RM 16.70** |

**Kes 2: Pembayar lelaki berkahwin (dan mempunyai 2 orang anak)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| a. Pendapatan kasar (RM2,000 x 12 bulan) | | | RM24,000.00 |
| b. Tolakan | | | |
| i. | Diri | RM8,000 | |
| ii. | Isteri | RM3,000 | |
| iii. | Anak (RM1,000 x 2) | RM2,000 | |
| iv. | KWSP (11%) | RM2,640 | |
| **Jumlah tolakan yang dibenarkan :** | | | **RM15,640.00** |
| c. Pendapatan bersih yang wajib dizakatkan (Jumlah ini melebihi daripada paras **nisab***) | | | RM 8,360.00 |
| d. Jumlah zakat wajib dikeluarkan = RM8,360 x 2.5% | | | RM 209.00 |
| e. Potongan zakat sebulan = RM209 / 12 bulan | | | **RM 17.42** |

**Kes 3: Pembayar wanita berkahwin**

Contoh pengiraan sama seperti kes 1, tolakan anak hanya diberikan kepada suami sahaja.

**Kes 4: Pembayar ibu tunggal**

Contoh pengiraan sama seperti kes 2, tetapi tolakan isteri diabaikan.

***Contoh kadar nisab tahun 2009 - RM7,900***

## JADUAL POTONGAN ZAKAT PENDAPATAN BULANAN

1. Jadual Potongan Zakat Pendapatan Bulanan ini adalah sebagai panduan sahaja untuk memudahkan kakitangan membuat pembayaran zakat melalui Skim Berkat yang disediakan oleh LZS (MAIS). (Rujuk Lampiran 11 di mukasurat 29)

2. Pihak majikan hanya perlu merujuk kepada jadual Potongan Zakat Pendapatan Bulanan yang disediakan bagi mengetahui jumlah gaji yang harus dipotong untuk bayaran zakat kakitangan tersebut.

3. Pembayar/kakitangan tidak tertakluk sepenuhnya kepada jadual ini.

4. Asas pengiraan pada jadual ini hanya berdasarkan pengiraan zakat pendapatan sahaja.

5. Pembayaran potongan gaji juga boleh dibuat untuk zakat-zakat yang lain seperti zakat wang simpanan, KWSP, perniagaan, emas dan perak serta qada zakat.

6. Untuk kiraan zakat-zakat yang lain anda boleh menghubungi LZS (MAIS).

## PENAMBAHAN DAN PENGURANGAN

Kakitangan perlu memaklumkan sendiri kepada majikan dengan mengisi borang LZS 040.

## PEMBERHENTIAN

Jika berlaku pemberhentian kakitangan perlu memaklumkan semula kepada majikan dan LZS (MAIS) melalui surat.

## KOD MAJIKAN

Kod potongan akan diberi oleh LZS bagi kakitangan swasta dan badan berkanun.

# PANDUAN SKIM BERKAT

## - Majikan Swasta -

MUDAH

## PANDUAN MENYERTAI SKIM BERKAT

### Pihak Pemohon (KAKITANGAN)

1. Skim Berkat ini terbuka kepada semua kakitangan sektor kerajaan, badan berkanun, dan sektor swasta yang beragama Islam.

2. Borang kebenaran potongan gaji ini hendaklah diisi oleh pembayar zakat dalam tiga (3) salinan dan diserahkan kepada Majikan atau LZS (MAIS) yang berhampiran.

3. Jumlah potongan gaji untuk ansuran bulanan boleh ditentukan oleh pembayar sendiri ataupun merujuk kepada buku panduan Skim Potongan Zakat Berjadual yang boleh didapati daripada pihak majikan (Bahagian Gaji) atau daripada LZS (MAIS).

4. Penyata rasmi pembayaran akan dihantar kepada pihak pembayar ke alamat seperti yang tercatat di dalam Borang Kebenaran Potongan Gaji. Penyata rasmi pembayaran zakat akan dikeluarkan setahun sekali pada bulan Februari. (Sila Rujuk Lampiran 17 di mukasurat 43)

5. Jika terdapat kemusykilan di dalam penyata transaksi pencarum hendaklah memaklumkan kepada LZS (MAIS) dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh terima. Jika tidak, maklumat di dalam penyata tersebut dianggap benar.

6. Sebarang perubahan jumlah bayaran seperti penambahan, pengurangan, dan pemberhentian hendaklah dimaklumkan kepada majikan.

7. Untuk sebarang pemberhentian, pemohon hendaklah memaklumkan kepada majikan dan LZS (MAIS) secara bertulis.

### Pihak Majikan (BAHAGIAN GAJI / SUMBER MANUSIA)

1. Pastikan borang potongan gaji LZS 040 yang diterima daripada pihak pemohon disahkan pada ketiga-tiga salinan.

2. **SALINAN LZS (MAIS)** hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan cek pembayaran dan senarai nama kakitangan yang menyertai skim ini kepada LZS(MAIS). Bagi bulan berikutnya, pihak majikan hanya perlu menghantar cek pembayaran bersama borang bayaran Skim Berkat (LZS 044). (Sila Rujuk Lampiran 3 di mukasurat 22)

3. **SALINAN MAJIKAN** hendaklah disimpan oleh pihak majikan manakala **SALINAN PEMOHON** hendaklah dikembalikan kepada pihak pemohon bagi tujuan rujukan.

4. Sekiranya terdapat penyertaan baru, pihak majikan hendaklah mengembalikan SALINAN LZS (MAIS) bersama dengan senarai terbaru penyertaan serta cek pembayaran.

5. Pemotongan hendaklah diteruskan selagi tiada sebarang arahan/permohonan daripada pihak pemohon untuk memberhentikan potongan zakat tersebut.

6. Sekiranya pihak pemohon/kakitangan dikenakan Potongan Cukai Berjadual (PCB), pihak majikan hendaklah membuat pelarasan antara PCB dan zakat bagi setiap bulan.

7. Untuk majikan baru pihak majikan diminta untuk mengisi borang pendaftaran majikan/organisasi baru (Sila Rujuk Lampiran 2 di mukasurat 21) dan menghantar kepada LZS (MAIS) beserta cek bayaran, borang bayaran Skim Berkat (LZS 044) dan borang Skim Berkat.

8. Kod majikan akan diberikan oleh LZS (MAIS) kepada majikan dari sektor swasta dan badan berkanun melalui Slip Bayaran Zakat Skim Berkat.

## Proses Pembayaran (BAHAGIAN GAJI / SUMBER MANUSIA)

1. Bagi mengelakkan sebarang pembayaran tertunggak, pihak majikan hendaklah menghantar cek pembayaran mengikut bulan yang berkenaan.

2. Pembayaran zakat hendaklah dihantar kepada pihak LZS (MAIS) sebelum atau pada 10 haribulan setiap bulan.

3. Untuk dokumen bulan Disember majikan hendaklah menghantar dokumen selewat-lewatnya pada atau sebelum 15 haribulan Januari. Pihak LZS (MAIS) akan memproses cek bayaran berdasarkan penerimaan dan bukannya mengikut bulan pembayaran. **(Ini adalah penting untuk tujuan rebat cukai (LHDN)).**

4. Format senarai penyertaan yang perlu dihantar pada setiap 10 haribulan berserta dengan cek pembayaran. ianya boleh dirujuk kepada:

   - Format senarai penyertaan manual (LZS 044) yang dihantar beserta sampul surat majikan yang dibekalkan oleh LZS.
   - Format senarai penyertaan secara text file dengan menggunakan disket, CD, emel atau File Transfer Protocol (FTP). (Sila Rujuk Lampiran 10 di mukasurat 26)
   - Format sistem dan borang pendaftaran e-majikan : www.e-zakat.com.my (Sila Rujuk Lampiran 5 di mukasurat 23, Lampiran 6 di mukasurat 24 dan Lampiran 7 di mukasurat 25)
   - Bayaran melalui online :
     a) CIMB(Bizchannel) - Layari laman web www.cimbbizchannel.com
     b) Maybank(Maybank2e) - Layari laman web www.maybank2e.net

5. Pembayaran melalui cek hendaklah ditulis atas nama:
   **LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)**

6. Sila alamatkan pembayaran kepada :
   **Bahagian Kutipan, Jabatan Dakwah dan Kutipan,**
   **LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)**
   **Aras 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,**
   **Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**

7. Sila pastikan pihak majikan (bahagian pembayaran) menerima **Slip Bayaran Zakat Skim Berkat (Potongan Gaji)** (Sila Rujuk Lampiran 8 di mukasurat 25) daripada LZS (MAIS) setelah membuat pembayaran.

8. Majikan diminta menghubungi LZS (MAIS) sekiranya tidak menerima sebarang surat akuan penerimaan dalam tempoh dua (2) minggu selepas penghantaraan cek bayaran.

9. Majikan juga digalakkan menggunakan sampul surat majikan LZS (Sila Rujuk Lampiran 4 di mukasurat 23) supaya menghantar terus dokumen bayaran ke alamat seperti di atas dan bukannya dihantar ke kaunter-kaunter cawangan LZS (MAIS).

10. Makluman tidak menerima bayaran Skim Berkat (Sila Rujuk Lampiran 9 di mukasurat 26) akan dihantar kepada majikan seandainya terdapat bulan yang tidak mencarum. (Sila abaikan peringatan tersebut sekiranya bayaran telah dibuat).

# PANDUAN SKIM BERKAT

## - Majikan Kerajaan -

## PANDUAN MENYERTAI SKIM BERKAT

Bagi kakitangan kerajaan, pembayaran zakat melalui potongan gaji dibuat berdasarkan perlaksanaan arahan WAJIB pembayaran Zakat Pendapatan menerusi potongan gaji (Sila Rujuk Lampiran 13 di mukasurat 39).

Ia dilaksanakan melalui beberapa proses dan prosedur yang telah ditetapkan (Sila Rujuk Lampiran 14 di mukasurat 40).

## KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI

Pembayaran zakat melalui potongan gaji hanya diuruskan oleh pihak majikan atau unit gaji pembayar/pekerja. Borang pembayaran boleh didapati di semua kaunter cawangan Lembaga Zakat Selangor di seluruh negeri Selangor.

### Pihak Pemohon (KAKITANGAN)

1. Pembayar dimestikan mengisi Borang Potongan Gaji (OP 02) dan menentukan jumlah potongan sebulan.

2. Jumlah potongan zakat boleh ditentukan melalui kaedah Taksir Zakat Sendiri (TZS) melalui kalkulator zakat di portal zakat www.e-zakat.com.my atau merujuk kepada buku panduan Skim Potongan Zakat Berjadual yang boleh didapati dari pihak Majikan atau Lembaga Zakat Selangor.

3. Borang yang telah diisi hendaklah diserahkan kepada pihak majikan atau unit gaji di tempat pembayar bekerja. “SALINAN PEMOHON” hendaklah disimpan untuk semakan atau rekod peribadi.

4. Pembayar yang ingin membuat perubahan dalam pembayaran sama ada penambahan atau pengurangan hendaklah mengisi Borang Potongan Gaji (OP 02) dengan jumlah baru seterusnya serahkan pada pihak majikan.

5. Bagi pembayar yang ingin memberhentikan potongan zakat bulanan hendaklah mengisi surat pemberhentian yang disediakan oleh pihak majikan kemudian diserahkan kepada pihak majikan untuk tindakan pemberhentian. (Sila Rujuk Lampiran 12 di mukasurat 38)

6. Sebarang perubahan jumlah bayaran seperti penambahan, pengurangan, dan pemberhentian hendaklah dimaklumkan kepada majikan.

## Pihak Majikan (UNIT / BAHAGIAN GAJI)

1. Borang kebenaran potongan gaji "SALINAN LZS (MAIS) yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Lembaga Zakat Selangor, manakala Borang " SALINAN AG / BENDAHARI" hendaklah dihantar pada pihak terbabit.

2. Unit gaji atau majikan boleh membuat potongan zakat melalui Borang Perubahan Gaji (Kew 320 @ SG 20) bagi pihak AG atau sistem SPEKS bagi pihak Bendahari Negeri Selangor.

3. Kod potongan untuk kakitangan kerajaan adalah, **Kod AG - 4376 dan Kod Bendahari Negeri - 2420.**

4. Bagi pemohon yang dikenakan Potongan Cukai Berjadual (PCB) dan telah membayar zakat, pihak majikan hendaklah menyelaraskan jumlah PCB berdasarkan jumlah zakat yang dibayar.

## Pihak Lembaga Zakat Selangor

1. Slip bayaran zakat potongan gaji akan dihantar kepada pihak majikan sebagai bukti pembayaran.

2. Penyata rasmi pembayaran akan dihantar kepada pihak pembayar ke alamat penghantaraan penyata bayaran seperti yang tercatat di dalam Borang Kebenaran Potongan Gaji. Penyata rasmi pembayaran zakat akan dikeluarkan setahun sekali. (Sila Rujuk Lampiran 17 di mukasurat 43)

# LAMPIRAN

# LAMPIRAN 1

**JADUAL/SCHEDULE**
**(Kaedah 3 / Rule 3)**
**POTONGAN CUKAI BERJADUAL / SCHEDULE OF MONTHLY TAX DEDUCTIONS**

**PENDAHULUAN**
Nota-nota berikut bertujuan membantu majikan membuat Potongan Cukai Berjadual (PCB) dengan tepat dan anda dengan itu dinasihatkan supaya membaca kandungannya dengan teliti sebelum melakukan potongan.

1. ZAKAT

a. Jika seorang pekerja telah membuat bayaran zakat kepada pihak berkuasa zakat, majikan boleh membuat tolakan bayaran itu terhadap amaun cukai yang harus dipotong bagi bulan masing-masing setelah melihat bukti tentang bayaran zakat tersebut.

**Contoh 1 : PCB bagi Januari 2004**
Zakat dibayar : RM55 — PCB patut dipotong : RM105
PCB perlu dipotong : **RM50** — (RM105 - RM55)

**Contoh 2 : PCB bagi Mei 2004**
Zakat dibayar : RM140 — PCB patut dipotong : RM110
PCB perlu dipotong : **TIADA**

Lebihan zakat RM30 dalam Contoh 2 di atas boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada PCB bagi bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pelarasan sedemikian hanya dibenarkan pada tahun yang sama sahaja.

b. Seorang pekerja boleh juga memohon bantuan dari cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang berhampiran mengenai pelarasan kepada potongan cukai sekiranya ia berhak mendapat pelepasan persendirian tambahan, seperti premium insuran perubatan atau pendidikan.

**INTRODUCTION**
The following notes are intended to assist employers in making the correct Scheduler Tax Deductions (STD) and you are therefore advised to read the contents carefully befor effecting the deductions.

1. ZAKAT

a. Where an employee has made zakat payments to the zakat authorities, the employer upon sighting evidence of such payments may set-off those payments against the amount of tax to be deducted for the respective month.

**Example 1 : STD for Januari 2004**
Zakat paid : RM55 — STD deductible : RM105
STD to be deducted : **RM50** — (RM105 - RM55)

**Example 2 : STD bagi Mei 2004**
Zakat paid : RM140 — STD deductible : RM110
STD to be deducted : **NIL**

The excess zakat of RM30 in Example 2 above may be carried forward to be off-set against the STD of a subsequent month. However, please note that such adjustments are permissible only within the same year.

b. An employee may also seek assistance from the nearest Inland Revenue Board branch regarding adjustment to his tax deductions if he is entitled to further personal relief, like medical or education insurance premiums.

# LAMPIRAN 2

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

BORANG LZS 043

## BORANG PENDAFTARAN MAJIKAN/ORGANISASI BARU

Aras 9 & 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
**Tel:** 03-5522 7700 | **Faks:** 03-5522 7724 | **Talian Khidmat Pelanggan:** 03-5522 7777

SKIM BERKAT
Bayaran zakat melalui potong gaji

**DIISI OLEH PIHAK MAJIKAN**

| * Kod Majikan | No. PendaftaranSyarikat/Organisasi |
|---|---|
| | |

Nama Majikan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

____________________

Poskod: ____________________

Pegawai Untuk Dihubungi: ____________________

Web: ____________________

E-mel Pegawai: ____________________

No.Tel (P): ____________________ Samb.: __________

H/P: ____________________

CONTOH

MUDAH
Semuanya
SELESAI

| UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS) | |
|---|---|
| Tarikh Terima | |
| Nama Majikan/ Organisasi yang diterima | |
| Kod pendaftaran (diisi dan didaftarkan oleh Ketua Unit/ Ketua Bahagian) | No. kod didaftarkan : <br> Nama majikan didaftarkan: |
| Sub kod pendaftaran (di isi dan didaftarkan oleh Ketua Unit/Ketua Bahagian) | No. Sub kod didaftarkan : <br> Nama majikan didaftarkan: |
| Pengesahan pendaftaran | Tarikh : <br> Tandatangan : |

***Nota:***

**1. Tidak perlu diisi dan hanya ditentukan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*
*2. Borang LZS 043 perlu diisi oleh majikan/organisasi yang baru menyertai Skim Berkat dan dihantar kepada Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*

www.e-zakat.com.my zakat 1 kewajipan... berzakatlah

# LAMPIRAN 4

## SAMPUL SURAT MAJIKAN







# LAMPIRAN 5

## FORMAT SISTEM E-MAJIKAN

**1. PENGENALAN**

Sistem e-majikan adalah merupakan satu sistem online yang dibangunkan oleh LZS (MAIS) untuk memberikan kemudahan tambahan (value added) kepada para majikan yang menyertai Skim Potongan Gaji (Skim Berkat) di LZS (MAIS). Antara kemudahan yang disediakan di dalam sistem ini ialah :

a. Membuat taksiran sendiri.
b. Melihat dan menyemak rekod bayaran zakat.
c. Menyemak dan mengemas kini maklumat majikan dan kakitangan yang mencarum.
d. Menyelesaikan masalah pencarum syarikat dengan segera tanpa perlu merujuk ke LZS (MAIS).
e. Menyemak dan memohon penyata tahunan.
f. Menerima maklumat terkini daripada LZS (MAIS).
g. Tidak perlu menghantar terlalu banyak dokumen (hanya poskan cek sahaja).
h. Mempercepatkan proses penghantaraan dokumen terutama pada akhir tahun.

**2. BAGAIMANA INGIN MENDAFTAR?**

a. Majikan perlu mengisi Borang Pendaftaran e-majikan untuk menyatakan persetujuan menggunakan sistem e-majikan dan perlu hantar ke LZS (MAIS) di alamat berikut :

**Unit Proses Kutipan, Jabatan Dakwah dan Kutipan,**
**Lembaga Zakat Selangor,**
**Aras 9 & 10, Menara Selatan,**
**Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid,**
**40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**

b. Surat pendaftaran yang mengandungi ID dan Kata Laluan akan dihantar kepada majikan dan pihak majikan boleh menukar kata laluan sendiri selepas menerima surat pendaftaran.

c. Sistem dan borang boleh diakses dengan melayari portal e-zakat di alamat : **www.e-zakat.com.my**

**d. Pihak LZS (MAIS) akan memberi latihan penggunaan e-majikan jika diperlukan oleh pihak majikan. (Walau bagaimanapun majikan adalah digalakkan untuk menghadiri latihan yang disediakan oleh LZS (MAIS)).**

# LAMPIRAN 6

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

## BORANG PENDAFTARAN e-MAJIKAN

SEMUA RUANGAN HENDAKLAH DIISI DENGAN BETUL DAN MENGGUNAKAN HURUF BESAR

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT ______ - _

NAMA SYARIKAT
* (B. Berkanun / Swasta )

ALAMAT SURAT MENYURAT

POSKOD

PEGAWAI UNTUK DUHUBUNGI

E- MAIL PEGAWAI

NO TELEFON (P) ___ - ________ EXT ____
(H/P) ___ - ________

BANK PEMBAYARAN ____________ CAWANGAN ____________

BIL. KAKITANGAN MUSLIM

BIL. KAKITANGAN MUSLIM YANG MENCARUM DENGAN LHDN (PCB)

CONTOH

SAYA DENGAN INI BERSETUJU UNTUK MENGGUNAKAN SISTEM e-MAJIKAN

____________________

NAMA :

TARIKH :

COP MAJIKAN :

PERMOHONAN YANG LENGKAP HENDAKLAH DIHANTAR KE:

**UNIT PROSES KUTIPAN**
**JABATAN DAKWAH DAN KUTIPAN**
**LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**
**ARAS 9 & 10, MENARA SELATAN**
**BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH**
**NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK, SEKSYEN 5**
**40000 SHAH ALAM. SELANGOR**
**TEL: 03-55227700 FAX: 03-55227724**

**UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (PZS)**

TARIKH TERIMA PERMOHONAN __ - __ - ____ (dd-mm-yyyy)

*PERMOHONAN INI TELAH DILULUSKAN / TIDAK. JIKA TIDAK DILULUSKAN, NYATAKAN SEBAB ____________

TARIKH LULUS PERMOHONAN __ - __ - ____ TARIKH PENDAFTARAN DIBUAT __ - __ - ____

USERID

*TARIKH SERAHAN SURAT KELULUSAN / TIDAK LULUS KEPADA MAJIKAN __ - __ - ____ (dd-mm-yyyy)

PERMOHONAN INI TELAH DIPROSES DALAM JANGKAMASA YANG TELAH DITETAPKAN IAITU DUA MINGGU SELEPAS PERMOHONAN DITERIMA

| | |
|---|---|
| Diproses oleh : | Disemak oleh Ketua Bahagian / Unit : |
| Tandatangan: | Tandatangan: |
| Tarikh: | Tarikh: |

*Potong mana yang berkenaan

# LAMPIRAN 7
## CONTOH PAPARAN SISTEM E-MAJIKAN




# LAMPIRAN 8
## SLIP BAYARAN SKIM BERKAT



LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

SLIP BAYARAN ZAKAT SKIM BERKAT

SKIM BERKAT

NO 106368

*Aras 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-5522 7700 . Faks: 03-5522 7724*

TARIKH:

| DITERIMA DARIPADA | NO. CEK/M.O/P.O | AMAUN |
|---|---|---|
| | | |
| | JUMLAH BAYARAN | |

RINGGIT MALAYSIA:

UNTUK BAYARAN:

KOD MAJIKAN:

- Slip ini hanya sah setelah cek dijelaskan oleh pihak bank.
- Slip ini tidak layak dikemukakan ke LHDN untuk pelepasan cukai pendapatan.
- Slip yang dicetak oleh komputer ini tidak memerlukan tandatangan.

KEMASKINI MAKLUMAT PEMBAYAR
*Majikan digalakkan memaklumkan kepada kakitangan untuk mengemaskini alamat dengan menghubungi LZS(MAIS) bagi memudahkan penghantaran penyata pembayaran zakat.*

NOTA:
- Majikan digalakkan menghantar data pembayaran dalam bentuk *softcopy* bagi mempercepatkan pemprosesan pembayaran
- Sekiranya majikan berminat menyertai pembayaran melalui 'on-line' bolehlah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak **CIMB Bank (biz -channel)** dan **Maybank (maybank2e.net)**

CONTOH

# LAMPIRAN 9

## MAKLUMAN TIDAK MENERIMA BAYARAN SKIM BERKAT (POTONGAN GAJI)




# LAMPIRAN 10

## FORMAT TRANSFER FILE SISTEM POTONGAN GAJI

Terdapat 2 maklumat yang perlu dihantar oleh setiap majikan iaitu Header dan Detail. Kedua-dua maklumat perlulah digabungkan dalam satu fail text ( *.txt).

**<u>Format Header</u>**

| KOD MAJIKAN | BULAN | TAHUN | NAMA MAJIKAN | JUMLAH | BIL. PENCARUM | NO. CEK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5A | 2A | 4A | 100 A | Money | Integer | 120A |

**A. KOD MAJIKAN (Kod majikan yang diberi oleh Lembaga Zakat Selangor)**
Maksimum 5 alphanumeric tanpa ruang kosong.
Contoh Sah : S0001, K0002 … B9999
Contoh Tidak Sah : A 0001, ZZZZ9, 9AAAA

**B. BULAN: (Bulan potongan zakat)**
2 alphanumeric tanpa ruang kosong.
Contoh Sah : 01, 02, 03, … 11, 12
Contoh Tidak Sah : 1, 2, 3, 4, 5, … 9

**C. TAHUN (Tahun potongan zakat)**
4 alpanumeric tanpa ruang kosong.
Contoh Sah : 2000, 2001, 2002, … 2030
Contoh Tidak Sah : 1, 2, 00, 01, 02, 03, 21, 000, 0000, 2 01

**D. NAMA MAJIKAN**
Semua Byte dalam huruf besar (Capital Letter).
Penggunaan symbol Apostrophe atau Single Quote ( ‘ ) dalam sebarang data adalah tidak dibenarkan. Sila gantikan symbol tersebut dengan symbol Acute ( ` ).
Contoh Sah : `DATO AHMAD FUAD
Contoh Tidak Sah : ‘DATO AHMAD FUAD

**E. JUMLAH.(Jumlah potongan zakat)**
9999999.99 Semua Numeric. Jumlah adalah jumlah yang tertulis dalam cek (untuk satu cek) atau pun jumlah

bagi keseluruhan cek bagi cek lebih dari satu.
Contoh Sah : 1000.00, 19.20, 2000.15, 100000.00
Contoh Tidak Sah : 1,000.00, RM 19.20, USD 2000.15, -100000.00 ,10 00.1, 10.1

**F. BILANGAN. (Bilangan pencarum)**
99999999 Semua Numeric. Integer tanpa floating point. Jumlah pencarum yang membuat transaksi bagi bulan tersebut.
Contoh Sah : 1,5,10,100,500
Contoh Salah : 5.0,100.00,5000.0000

**G. NOMBOR CEK:**
A-Aphanumeric (Ringkasan Nama Bank Contoh Bank Islam Malaysia Berhad – BIM diikuti 9-Numeric (6 Digit) (Nombor Cek contoh 123456) Tanpa ruang kosong.
Untuk ringkasan nama bank sila lihat lampiran Senarai Kod Bank.
Contoh Sah : - Bagi 1 Cek
BIM123456
- Bagi Cek Lebih dari 1
BIM123456 BMB123456 BCB123456

Contoh Salah : - BIM 123456 (Terdapat ruang antara BIM dengan 123456)

**2. <u>CONTOH BAGI FORMAT HEADER :-</u>**

a. Contoh majikan yang menghantar lebih dari 1 cek

A0020,10,2008,JABATAN AKAUNTAN NEGARA,380.00,3,BMB111111 BIM222222 MBB333333 BKR444444

b. Contoh majikan yang menghantar 1 cek

A0020,10,2008,JABATAN AKAUNTAN NEGARA,500.00,4,BMB123456

**<u>Format Detail</u>**

Mandatori Field (Tidak boleh kosong)

| KOD MAJIKAN | KOD SUBMAJIKAN | BULAN | TAHUN | NO. KP. 1 | NO. KP. 2 | NAMA | NO. PEKERJA | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5A | 8A | 2A | 4A | 14 A | 14 A | 100 A | 10A | MONEY |

**1. <u>FORMAT:-</u>**

**A. KOD MAJIKAN: (mandatori)**
Sama seperti Format Header. Kod Majikan Header mestilah sama dengan Kod Majikan Detail.

**B. KOD SUBMAJIKAN.**
Bagi majikan yang tiada kod submajikan ruangan ini dibiarkan kosong.
Format adalah bebas sehingga 8 Byte.

**C. BULAN (mandatori)**
Sama seperti Format Header. Bulan Detail mestilah sama dengan Bulan Header bagi setiap kali transfer.

**D. TAHUN. (mandatori)**
Sama seperti Format Header. Tahun Detail mestilah sama dengan Tahun Header bagi setiap kali transfer.

**E. NOKP1. (mandatori)**
Ruang kosong tidak dibenarkan. Setiap kali transfer pastikan nokp1 adalah serupa dengan bulan-bulan lepas untuk mengelakkan pertindihan maklumat.Dibenarkan NOKP Lama atau baru tapi pastikan jikalau bulan sebelum mengunakan NOKP Lama maka tidak dibenarkan lagi mengunakan NOKP Baru dan masukkan NOKP Baru kedalam ruangan NOKP2 begitulah sebaliknya.

Contoh Sah : 681014-07-5115 atau 681014075115 atau A1119199
Contoh Tidak Sah : 681014 07 5115 atau 681014075115 atau A 1119199 atau A 1119199 atau A 111 9 199

**F. NOKP2.**
Adalah diwajibkan masuk jikalau pekerja mempunyai kedua-dua NOKP baru dan lama. Tidak boleh serupa dengan NOKP1. Bagi pekerja yang mempunyai satu sahaja NOKP maka dimasukkan kedalam NOKP1 sahaja dan NOKP2 diibiarkan kosong.

**Nota :**
*Nokp1 bukannya bermaksud no kad pengenalan baru atau sebaliknya. Tetapi Nokp1 merupakan nokp yang dihantar kepada Lembaga Zakat Selangor sebagai rujukan utama. Bagi setengah pekerja yang hanya ada NOKP Baru maka nokp1 pekerja tersebut ialah NOKP Baru tetapi bagi pekerja yang mempunyai NOKP lama dan baru, NOKP1 pekerja terbabit adalah mungkin NOKP baru atau sebaliknya*

**G. NAMA**

Semua Byte dalam huruf besar (Capital Letter).
Penggunaan symbol Apostrophe atau Single Quote ( ‘ ) dalam sebarang data adalah tidak dibenarkan. Sila gantikan symbol tersebut dengan symbol Acute ( ` ).
Contohnya MUHAMMAD ‘AFIF BIN YUSOFF.

**H. NO PEKERJA.**

Format bebas mengikut format majikan masing masing. Jika panjang melebihi 10 maka cuba pendekkan menjadi 10 byte sahaja.
Contohnya.

1. 2000-04-12-001 cuba ringkaskan ke 000412001
2. KNM000910001 cuba ringkaskan ke 000910001 bergantung kepada kefahaman masing masing selepas ringkasan.

**I. JUMLAH**

Adalah jumlah bayaran setiap bulan. Jumlah ini boleh berubah setiap bulan bergantung kepada pendapatan pekerja masing masing.
Contoh Sah :100.00 atau 50.50 atau 1000.25
Contoh Tidak Sah : RM100 atau $100.00 atau 100 atau 50.5000 atau 1,000.25

**2. <u>CONTOH BAGI FORMAT DETAIL :-</u>**

A0020,,10,2008,720320-08-2222,A3456789,ZAHARUDDIN BIN KADIRON,2345678,30.00
A0020,,10,2008,730419-09-3333,A1011121,MUSTAFA BIN MOHD,9101234,45.00
A0020,,10,2008,740518-02-4444, ,AZMAN BIN ALI,6789415,100.00
A0020,,10,2008,A1718190, ,MOHD LUTFI IBRAHIM,4215686,25.00
A0020,,10,2008,A2122135, ,SHAMSHURI BIN AHMAD,5648795,40.00
A0020,,10,2008,770815-06-7777,A4562182,ROSNAH BT. SEREWAN,4512367,70.00
A0020,,10,2008,A1257891, ,MOHD SABRI BIN TAJUDDIN,8745268,25.00

**Contoh lengkap.**
**A. Majikan yang menghantar lebih daripada 1 cek**

Nama fail: **akauntan.txt**
A0020,10,2008,JABATAN AKAUNTAN NEGARA,335.50,7,BMB111111 BIM222222 MBB333333 BIB444444
A0020,,10,2008,720320-08-2222,A3456789,ZAHARUDDIN BIN KADIRON,2345678,30.00
A0020,,10,2008,730419-09-3333,A1011121,MUSTAFA BIN MOHD,9101234,45.00
A0020,,10,2008,740518-02-4444, ,AZMAN BIN ALI,6789415,100.00
A0020,,10,2008,A1718190, ,MOHD LUTFI IBRAHIM,4215686,25.50
A0020,,10,2008,A2122135, ,SHAMSHURI BIN AHMAD,5648795,40.00
A0020,,10,2008,770815-06-7777,A4562182,ROSNAH BT. SEREWAN,4512367,70.00
A0020,,10,2008,A1257891, ,MOHD SABRI TAJUDDIN,8745268,25.00

**B. Majikan yang menghantar 1 cek**

Nama fail: **akauntan.txt**
A0020,10,2008,JABATAN AKAUNTAN NEGARA,335.50,7,BMB111111
A0020,,10,2008,720320-08-2222,A3456789,ZAHARUDDIN BIN KADIRON,2345678,30.00
A0020,,10,2008,730419-09-3333,A1011121,MUSTAFA BIN MOHD,9101234,45.00
A0020,,10,2008,740518-02-4444, ,AZMAN BIN ALI,6789415,100.00
A0020,,10,2008,A1718190, ,MOHD LUTFI IBRAHIM,4215686,25.50
A0020,,10,2008,A2122135, ,SHAMSHURI BIN AHMAD,5648795,40.00
A0020,,10,2008,770815-06-7777,A4562182,ROSNAH BT. SEREWAN,4512367,70.00
A0020,,10,2008,A1257891, ,MOHD SABRI TAJUDDIN,8745268,25.00

**SENARAI KOD BANK**

| BIL | NAMA BANK | KOD |
|---|---|---|
| 1 | AMBANK BERHAD | AMB |
| 2 | AFFIN BANK BERHAD | ABB |
| 3 | ALLIANCE BANK BERHAD | ALB |
| 4 | AR-RAJHI BANK | ARB |
| 5 | BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD | BIM |
| 6 | BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD | BMB |
| 7 | BANK OF AMERIKA | BOA |
| 8 | BANK OF TOKYO | BOT |
| 9 | BANGKOK BANK BERHAD | BBB |
| 10 | CIMB BANK | CIM |
| 11 | CITIBANK BERHAD | CIT |
| 12 | DUTCHED BANK | DBB |
| 13 | EON BANK BERHAD | EBB |
| 14 | HSBC BANK | HSB |
| 15 | HONG LEONG ISLAMIC BANK | HLB |
| 16 | KUWAIT FINANCE HOUSE | KFH |
| 17 | MALAYAN BANKING BERHAD | MBB |
| 18 | MUAMALAT BANK BERHAD | BMB |
| 19 | NOVA SCOTIA BANK | NOV |
| 20 | OCBC BANK | OCB |
| 21 | PUBLIC BANK | PBB |
| 22 | RHB BANK | RHB |
| 23 | SOUTHERN BANK BERHAD | SBB |
| 24 | STANDARD CHARTED | SCB |
| 25 | UNITED OVERSEAS BANK | UOB |

# LAMPIRAN 11

# JADUAL POTONGAN ZAKAT PENDAPATAN BULANAN

| JUMLAH PENDAPATAN BULANAN | POTONGAN ZAKAT BULANAN (RM) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KAEDAH A (TANPA TOLAKAN) | KAEDAH B - LELAKI (DENGAN TOLAKAN) | | | | | | | | | | | | KAEDAH B Perempuan |
| | L/P | B | K | KA1 | KA2 | KA3 | KA4 | KA5 | KA6 | KA7 | KA8 | KA9 | KA10 | BK (RM) |
| 101 - 200 | 5 | | | | | | | | | | | | | |
| 201 - 300 | 8 | | | | | | | | | | | | | |
| 301 - 400 | 10 | | | | | | | | | | | | | |
| 401 - 500 | 13 | | | | | | | | | | | | | |
| 501 - 600 | 15 | | | | | | | | | | | | | |
| 601 - 700 | 18 | | | | | | | | | | | | | |
| 701 - 800 | 20 | | | | | | | | | | | | | |
| 801 - 900 | 23 | | | | | | | | | | | | | 1 |
| 901 -1000 | 25 | 5 | | | | | | | | | | | | 3 |
| 1001 - 1100 | 28 | 8 | | | | | | | | | | | | 8 |
| 1101 - 1200 | 30 | 10 | | | | | | | | | | | | 10 |
| 1201 - 1300 | 33 | 12 | 6 | | | | | | | | | | | 12 |
| 1301 - 1400 | 35 | 14 | 8 | 6 | | | | | | | | | | 14 |
| 1401 - 1500 | 38 | 16 | 10 | 8 | 6 | | | | | | | | | 16 |
| 1501 - 1600 | 40 | 19 | 12 | 10 | 8 | 6 | | | | | | | | 19 |
| 1601 - 1700 | 43 | 21 | 14 | 12 | 10 | 8 | 6 | | | | | | | 21 |
| 1701 - 1800 | 45 | 23 | 17 | 15 | 13 | 10 | 8 | 6 | | | | | | 23 |
| 1801 - 1900 | 48 | 25 | 19 | 17 | 15 | 13 | 11 | 8 | 6 | | | | | 25 |
| 1901 - 2000 | 50 | 27 | 21 | 19 | 17 | 15 | 13 | 11 | 9 | 7 | | | | 27 |
| 2001 - 2100 | 53 | 30 | 23 | 21 | 19 | 17 | 15 | 13 | 11 | 9 | 7 | 5 | | 30 |
| 2101 - 2200 | 55 | 32 | 25 | 23 | 21 | 19 | 17 | 15 | 13 | 11 | 9 | 7 | 5 | 32 |
| 2201 - 2300 | 58 | 34 | 28 | 26 | 24 | 21 | 19 | 17 | 15 | 13 | 11 | 9 | 7 | 34 |

| JUMLAH PENDAPATAN BULANAN | POTONGAN ZAKAT BULANAN (RM) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KAEDAH A (TANPA TOLAKAN) | KAEDAH B - LELAKI (DENGAN TOLAKAN) | | | | | | | | | | | | KAEDAH B Perempuan |
| | L/P (RM) | B | K | KA1 | KA2 | KA3 | KA4 | KA5 | KA6 | KA7 | KA8 | KA9 | KA10 | B/K |
| 2301 - 2400 | 60 | 36 | 30 | 28 | 26 | 24 | 22 | 19 | 17 | 15 | 13 | 11 | 9 | 36 |
| 2401 - 2500 | 63 | 38 | 32 | 30 | 28 | 26 | 24 | 22 | 20 | 18 | 15 | 13 | 11 | 38 |
| 2501 - 2600 | 65 | 41 | 34 | 32 | 30 | 28 | 26 | 24 | 22 | 20 | 18 | 16 | 13 | 41 |
| 2601 - 2700 | 68 | 43 | 36 | 34 | 32 | 30 | 28 | 26 | 24 | 22 | 20 | 18 | 16 | 43 |
| 2701 - 2800 | 70 | 45 | 39 | 37 | 35 | 32 | 30 | 28 | 26 | 24 | 22 | 20 | 18 | 45 |
| 2801 - 2900 | 73 | 47 | 41 | 39 | 37 | 35 | 33 | 30 | 28 | 26 | 24 | 22 | 20 | 47 |
| 2901 - 3000 | 75 | 49 | 43 | 41 | 39 | 37 | 35 | 33 | 31 | 29 | 26 | 24 | 22 | 49 |
| 3001 - 3100 | 78 | 52 | 45 | 43 | 41 | 39 | 37 | 35 | 33 | 31 | 29 | 27 | 24 | 52 |
| 3101 - 3200 | 80 | 54 | 47 | 45 | 43 | 41 | 39 | 37 | 35 | 33 | 31 | 29 | 27 | 54 |
| 3201 - 3300 | 83 | 56 | 50 | 48 | 46 | 43 | 41 | 39 | 37 | 35 | 33 | 31 | 29 | 56 |
| 3301 - 3400 | 85 | 58 | 52 | 50 | 48 | 46 | 44 | 41 | 39 | 37 | 35 | 33 | 31 | 58 |
| 3401 - 3500 | 88 | 60 | 54 | 52 | 50 | 48 | 46 | 44 | 42 | 40 | 37 | 35 | 33 | 60 |
| 3501 - 3600 | 90 | 63 | 56 | 54 | 52 | 50 | 48 | 46 | 44 | 42 | 40 | 38 | 35 | 63 |
| 3601 - 3700 | 93 | 65 | 58 | 56 | 54 | 52 | 50 | 48 | 46 | 44 | 42 | 40 | 38 | 65 |
| 3701 - 3800 | 95 | 67 | 61 | 59 | 57 | 54 | 52 | 50 | 48 | 46 | 44 | 42 | 40 | 67 |
| 3801 - 3900 | 98 | 69 | 63 | 61 | 59 | 57 | 55 | 52 | 50 | 48 | 46 | 44 | 42 | 69 |
| 3901 - 4000 | 100 | 71 | 65 | 63 | 61 | 59 | 57 | 55 | 53 | 51 | 48 | 46 | 44 | 71 |
| 4001 - 4100 | 103 | 74 | 67 | 65 | 63 | 61 | 59 | 57 | 55 | 53 | 51 | 49 | 46 | 74 |
| 4101 - 4200 | 105 | 76 | 69 | 67 | 65 | 63 | 61 | 59 | 57 | 55 | 53 | 51 | 49 | 76 |
| 4201 - 4300 | 108 | 78 | 72 | 70 | 68 | 65 | 63 | 61 | 59 | 57 | 55 | 53 | 51 | 78 |
| 4301 - 4400 | 110 | 80 | 74 | 72 | 70 | 68 | 66 | 63 | 61 | 59 | 57 | 55 | 53 | 80 |
| 4401 - 4500 | 113 | 82 | 76 | 74 | 72 | 70 | 68 | 66 | 64 | 62 | 59 | 57 | 55 | 82 |
| 4501 - 4600 | 115 | 85 | 78 | 76 | 74 | 72 | 70 | 68 | 66 | 64 | 62 | 60 | 57 | 85 |
| 4601 - 4700 | 118 | 87 | 80 | 78 | 76 | 74 | 72 | 70 | 68 | 66 | 64 | 62 | 60 | 87 |

| JUMLAH PENDAPATAN BULANAN | POTONGAN ZAKAT BULANAN (RM) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KAEDAH A (TANPA TOLAKAN) | KAEDAH B - LELAKI (DENGAN TOLAKAN) | | | | | | | | | | | | KAEDAH B Perempuan |
| | L/P (RM) | B | K | KA1 | KA2 | KA3 | KA4 | KA5 | KA6 | KA7 | KA8 | KA9 | KA10 | B/K |
| 4701 - 4800 | 120 | 89 | 83 | 81 | 79 | 76 | 74 | 72 | 70 | 68 | 66 | 64 | 62 | 89 |
| 4801 - 4900 | 123 | 91 | 85 | 83 | 81 | 79 | 77 | 74 | 72 | 70 | 68 | 66 | 64 | 91 |
| 4901 - 5000 | 125 | 93 | 87 | 85 | 83 | 81 | 79 | 77 | 75 | 73 | 70 | 68 | 66 | 93 |
| 5001 - 5100 | 128 | 96 | 89 | 87 | 85 | 83 | 81 | 79 | 77 | 75 | 73 | 71 | 68 | 96 |
| 5101 - 5200 | 130 | 98 | 91 | 89 | 87 | 85 | 83 | 81 | 79 | 77 | 75 | 73 | 71 | 98 |
| 5201 - 5300 | 133 | 100 | 94 | 92 | 90 | 87 | 85 | 83 | 81 | 79 | 77 | 75 | 73 | 100 |
| 5301 - 5400 | 135 | 102 | 96 | 94 | 92 | 90 | 88 | 85 | 83 | 81 | 79 | 77 | 75 | 102 |
| 5401 - 5500 | 138 | 104 | 98 | 96 | 94 | 92 | 90 | 88 | 86 | 84 | 81 | 79 | 77 | 104 |
| 5501 - 5600 | 140 | 107 | 100 | 98 | 96 | 94 | 92 | 90 | 88 | 86 | 84 | 82 | 79 | 107 |
| 5601 - 5700 | 143 | 109 | 102 | 100 | 98 | 96 | 94 | 92 | 90 | 88 | 86 | 84 | 82 | 109 |
| 5701 - 5800 | 145 | 111 | 105 | 103 | 101 | 98 | 96 | 94 | 92 | 90 | 88 | 86 | 84 | 111 |
| 5801 - 5900 | 148 | 113 | 107 | 105 | 103 | 101 | 99 | 96 | 94 | 92 | 90 | 88 | 86 | 113 |
| 5901 - 6000 | 150 | 115 | 109 | 107 | 105 | 103 | 101 | 99 | 97 | 95 | 92 | 90 | 88 | 115 |
| 6001 - 6100 | 153 | 118 | 111 | 109 | 107 | 105 | 103 | 101 | 99 | 97 | 95 | 93 | 90 | 118 |
| 6101 - 6200 | 155 | 120 | 113 | 111 | 109 | 107 | 105 | 103 | 101 | 99 | 97 | 95 | 93 | 120 |
| 6201 - 6300 | 158 | 122 | 116 | 114 | 112 | 109 | 107 | 105 | 103 | 101 | 99 | 97 | 95 | 122 |
| 6301 - 6400 | 160 | 124 | 118 | 116 | 114 | 112 | 110 | 107 | 105 | 103 | 101 | 99 | 97 | 124 |
| 6401 - 6500 | 163 | 126 | 120 | 118 | 116 | 114 | 112 | 110 | 108 | 106 | 103 | 101 | 99 | 126 |
| 6501 - 6600 | 165 | 129 | 122 | 120 | 118 | 116 | 114 | 112 | 110 | 108 | 106 | 104 | 101 | 129 |
| 6601 - 6700 | 168 | 131 | 124 | 122 | 120 | 118 | 116 | 114 | 112 | 110 | 108 | 106 | 104 | 131 |
| 6701 - 6800 | 170 | 133 | 127 | 125 | 123 | 120 | 118 | 116 | 114 | 112 | 110 | 108 | 106 | 133 |
| 6801 - 6900 | 173 | 135 | 129 | 127 | 125 | 123 | 121 | 118 | 116 | 114 | 112 | 110 | 108 | 135 |
| 6901 - 7000 | 175 | 137 | 131 | 129 | 127 | 125 | 123 | 121 | 119 | 117 | 114 | 112 | 110 | 137 |
| 7001 - 7100 | 178 | 140 | 133 | 131 | 129 | 127 | 125 | 123 | 121 | 119 | 117 | 115 | 112 | 140 |

| JUMLAH PENDAPATAN BULANAN | POTONGAN ZAKAT BULANAN (RM) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
